

ATM johan memanah Terbuka Lelaki UPM

Gambar HARUN OSMAN



ADHAM Baba mencuba kebolehannya memanah pada Kejohanan Memanah Terbuka UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.



KONTINJEN Memanah Kebangsaan Terbuka UPM menerima cenderamata daripada Adham Baba.

KEJOHANAN Memanah Kebangsaan Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mendapat sambutan apabila hampir 200 peserta berhimpun di Pusat Sukan UPM, Serdang, Selangor pada 28 November hingga 2 Disember lalu.

Kejohanan kali ke-31 yang berlangsung di lapangan memanah Stadium UPM itu berjaya menarik 18 pasukan yang mewakili Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara.

Menurut Ketua Pusat Sukan UPM, Hamzah Ismail, lebih menarik kejohanan kali ini turut disertai oleh pasukan-pasukan negeri.

Kejohanan yang dijayakan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAM) itu adalah antara usaha untuk memartabatkan lagi sukan memanah di negara ini.

"Kejohanan yang kami anjurkan adalah terbuka semua peringkat umur dengan harapan ia dapat menarik minat lebih ramai generasi muda terhadap sukan memanah," katanya.

Melalui kejohanan tahunan itu juga, Hamzah berkata, diharap dapat membantu mengembangkan lagi sukan memanah setaraf dan setanding acara sukan lain.

Hampir 200 peserta yang mewakili lapan IPTA dan pasukan negeri menyertai kejohanan empat hari yang dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba itu.

Menurut Hamzah, dua kategori iaitu *recurve bowl* dan *compound bowl* untuk peserta lelaki serta wanita dipertandingkan pada kejohanan kali ini.

"Pelaksanaannya dijalankan dalam dua sistem iaitu melalui sistem kelayakan untuk individu serta olimpik (kalah mati) individu dan berpasukan," jelasnya.

Acara-acara yang dipertandingkan bagi kedua-dua kategori pula melibatkan acara jarak 90 meter, 70 meter, 50 meter dan 30 meter untuk peserta lelaki, manakala saingan wanita tertumpu pada acara 70 meter, 60 meter, 50 meter dan 30 meter.

Kejohanan kali ini menyaksikan pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) muncul juara keseluruhan sekali gus membawa pulang piala pusingan untuk saingan pemanah lelaki, manakala wanita dimenangi pasukan dari Johor.

Keputusan:

Juara Keseluruhan Berpasukan:

Lelaki - ATM

Wanita - Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor.

Juara Individu Keseluruhan:

1. Recurve Bowl:

Lelaki - Tengku Wira dari ATM.

Wanita - Beatrix Wong Zhia dari Sarawak.

2. Compound Bowl:

Lelaki - Tan Choon Heng (PPOC)

Wanita - Norizah (ATM)